

## PEMBANGUNAN PERTANIAN KOMERSIAL DI HILIR PERAK, 1900–1973

*(THE DEVELOPMENT OF THE COMMERCIAL AGRICULTURAL IN  
LOWER PERAK, 1900–1973)*

**Nurul Asyikin Dzulkifli, Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli  
& Norasmahani Hussain**

### Abstrak

---

Penulisan ini meneliti pembangunan pertanian komersial di Hilir Perak antara tahun 1900 hingga tahun 1973 yang merangkumi era British hingga era pasca-kemerdekaan. Penulisan ini ingin melihat sejauh mana kejayaan kerajaan kolonial British di Perak dan selepas itu Kerajaan Negeri Perak dalam membangunkan sektor pertanian komersial di Hilir Perak. Kajian-kajian terdahulu tentang kegiatan ekonomi di Negeri Perak lebih memfokuskan kepada sektor ekonomi utama negeri ini iaitu kegiatan melombong bijih timah di kawasan bandar di Perak. Justeru kajian tentang kegiatan pertanian komersial di Hilir Perak kurang diberi perhatian terutamanya pada era pasca-kemerdekaan. Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif yang meneliti sumber-sumber pertama dan bahan-bahan yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Arkib Negara di Perak, Perpustakaan Awam Negeri Perak, Perpustakaan Arkib Perak, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Hamzah Sendut 1 Universiti Sains Malaysia. Hasil penelitian terhadap sumber primer seperti *Report of the Coconut Marketing Survey (Sabak Bernam and Lower Perak Districts) 1956*, *Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Perak 1970*, *Federation of Malaya Annual Report 1950*, *Annual Report Social and Economic Perak 1948*, *The Present Land Use of Perak September 1970* dan *Lower Perak District 1962* telah mendapati bahawa sektor pertanian komersial di Hilir Perak membangun secara dinamik sejak era British dan terus berkembang maju dalam era pasca-kemerdekaan. Juga didapati bahawa sektor pertanian komersial di Hilir Perak turut menyumbang secara signifikan kepada kemajuan ekonomi negeri Perak dan kemajuan ekonomi masyarakat setempat dalam tempoh yang dikaji.

---

**Kata Kunci:** Pertanian komersial, Hilir Perak, Dasar Pertanian British, Dasar Pertanian Malaysia

### Abstract

---

*This writing examines the development of the commercial agriculture sector in Lower Perak between 1900 to 1973 which includes the British era to the post-independence era. This writing would like to see to what extent the success of the the British colonial government in Perak and after that the Perak State Government in developing the commercial agriculture sector in Lower Perak. Previous studies on the economic activities in the state of Perak focused more on the main economic sector of the state, namely tin mining activities in urban areas in Perak. Therefore, the study of commercial agricultural activities in Lower Perak has received less attention, especially in the post-independence*


era. This writing uses a qualitative method that examines the primary sources and materials obtained from the National Archives of Malaysia, Kuala Lumpur and the National Archives in Perak, the Perak State Public Library, the Perak Archives Library, the National Library and the Hamzah Sendut Library 1, Universiti Sains Malaysia. An in-depth scrutiny on primary sources such as Report of the Coconut Marketing Survey (Sabak Bernam and Lower Perak Districts) 1956, Perak State Department of Agriculture Annual Report 1970, Federation of Malaya Annual Report 1950, Annual Report Social and Economic Perak 1948, The Present Land Use of Perak September 1970 and Lower Perak District 1962 has found that the commercial agriculture sector in Lower Perak developed dynamically since the British era and continued to thrive in the post-independence era. It was also found that the commercial agriculture sector in Lower Perak also contributed significantly to the economic progress of the state of Perak and the economic progress of the local community during the period studied.

**Keywords:** Commercial agriculture, Lower Perak, British Agricultural Policy, Malaysian Agricultural Policy

## PENGENALAN

Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang subur dan kaya dengan sumber bumi seperti bijih timah maka atas sebab itulah kegiatan pertanian dan perlombongan bijih timah adalah sangat sinonim dengan negeri ini. Apabila British memasuki dan mentadbir negeri Perak secara rasmi mulai 1874 berikutan termeterainya Perjanjian Pangkor, British telah mengambil langkah memajukan sektor ekonomi Perak dengan menggalakkan kegiatan pertanian seperti getah dan kopi dan kegiatan perlombongan bijih timah diusahakan secara komersial dalam skala besar (Nurul 'Aisyah Azaman Haris & Norasmahani Hussain 2023). Kegiatan perlombongan bijih timah yang diusahakan oleh buruh imigran Cina di Perak biasanya tertumpu di kawasan-kawasan bandar seperti Taiping dan Ipoh yang masing-masing terletak dalam daerah Larut, Matang & Selama dan daerah Kinta (Azrai Abdullah, Izdihar Baharin & Rizal Yaakop 2012). Manakala kegiatan pertanian dan perladangan yang diusahakan oleh buruh imigran India dan juga penduduk tempatan lazimnya tertumpu di daerah Hulu Perak, daerah Kerian dan juga daerah Hilir Perak. Penulisan ini akan memfokuskan perbincangan mengenai sektor pertanian yang terdapat di daerah Hilir Perak.

Daerah Hilir Perak terdiri daripada beberapa bandar dan mukim iaitu Teluk Anson, Bagan Datoh, Batak Rabit, Chikus, Degong, Langkap, Selekoh, Simpang Tiga, Rungkup, Sungai Sumun, Hutang Melintang, Changkat Jong, Sungai Manik dan Labu Kubong (Khairi Ariffin et al. 2019a).



Gambar 1. Lokasi Daerah Hilir Perak di Perak dan Peta Daerah Hilir Perak  
Sumber: Disesuaikan dari [https://en.wikipedia.org/wiki/Hilir\\_Perak\\_District#History](https://en.wikipedia.org/wiki/Hilir_Perak_District#History)

Menurut Frank Swettenham (1893), daerah Hilir Perak terkenal dengan kawasan kegiatan pertanian berbanding perlombongan. Hilir Perak menjadi kawasan tumpuan kegiatan pertanian adalah disebabkan kerana daerah ini mempunyai kawasan tanah subur yang sangat luas dan masih belum diterokai (*Royal Botanic Gardens* 1891). Antara jenis pertanian di Hilir Perak yang diusahakan secara komersial adalah seperti getah, kelapa sawit, kelapa, tebu dan koko (Jabatan Pertanian Malaysia 1970). Menurut Khoo Kay Kim (1995), kegiatan pertanian yang diusahakan secara komersial telah menjadikan daerah Hilir Perak sebagai kawasan sumber ekonomi yang penting di Perak. Misalnya tanaman kelapa sawit yang ditanam secara meluas di Hilir Perak telah menjadikan Perak antara negeri utama yang mengeluarkan komoditi minyak kelapa sawit yang menyumbang kepada pendapatan negeri (Khoo Kay Kim 1995).

Sebelum kegiatan pertanian secara komersial mula diperkenalkan di Tanah Melayu secara umumnya dan Perak secara khususnya, masyarakat Melayu mengamalkan sistem ekonomi pertanian berbentuk sara diri yang diusahakan secara tertutup, tradisional, kurang berdaya saing, hasil pengeluaran dalam skala kecil dan tahap produktiviti yang rendah (Mohd Kasturi Nor 2011). Kegiatan ekonomi sara diri ini diusahakan semata-mata untuk menyara kehidupan seharian dan bukanlah untuk dijual kepada pihak lain secara besar-besaran. Menurut J.M. Gullick (1989), sistem ekonomi sara diri oleh masyarakat Melayu ini hanya mampu menghasilkan pengeluaran untuk diri sendiri dan keluarga manakala bakinya dijual untuk mendapatkan wang serta barang keperluan lain. Hal ini dihuraikan lebih lanjut oleh J.M. Gullick (1989) seperti berikut:

*The villager bought and sold goods for money, with the result that he lived in an exchange economy in which money and prices expressed in money were part of his culture. Nonetheless, a typical village produced a great deal of what it consumed and it had a semi-subsistence economy, in which rice and other local foodstuffs were the essential basis of living.*

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu pada ketika itu masih belum terdedah kepada kegiatan ekonomi yang bersifat komersial. Namun, corak ekonomi tradisional atau sara diri ini mulai berubah kepada corak ekonomi komersial sejak kemasukan kuasa British ke Tanah Melayu (Khairi Ariffin et al. 2019b). Hal ini berikutan matlamat British yang ingin mengaut keuntungan semaksima mungkin dengan memanfaatkan segala sumber alam yang terdapat di Tanah Melayu (Gullick 1992). Menurut North (2005), proses transformasi ekonomi dapat dilihat dari segi peralihan daripada orientasi tradisional kepada orientasi ekonomi moden yang berasaskan komersialisme. Transisi ekonomi ini merangkumi sektor ekonomi perlombongan, pertanian dan juga perladangan. Walaupun kegiatan ekonomi komersial iaitu sektor perlombongan lebih mendapat perhatian kerajaan British, namun pembangunan pertanian dan perladangan masih tidak diketepikan dan perkara ini dicatatkan dalam rekod *Federated Malay States* (selepas ini FMS) *Perak Annual Report* (1892) seperti berikut:

*But Perak is essentially a mining country, and if we wish, as indeed we earnestly do wish, for the development of agriculture to any great extent, that end must be gained... .*

Sektor pertanian dan perladangan turut mendapat tumpuan dan perhatian kerajaan British untuk dibangunkan di Hilir Perak adalah disebabkan oleh cuaca dan iklim yang sesuai serta tanah yang subur (Gullick 1992). Sehubungan itu, sektor pertanian dan perladangan yang didominasi oleh masyarakat Melayu mula mengalami transisi daripada pertanian berbentuk sara diri kepada pertanian komersialisme. Perkara ini dapat dilihat melalui pengenalan tanaman-tanaman baharu seperti getah, kelapa sawit, kopi, gambir dan lain-lain lagi (A Rahman Tang Abdullah 2018). Berdasarkan rekod *Department of Agriculture Federation of Malaya* (selepas ini DAFM) *Malayan Agriculture Statistics* (1947-1949), dalam tahun 1947, jumlah keluasan tanah di Perak yang dijadikan sebagai kawasan pertanian adalah sebanyak 959,552 hektar yang merupakan kedua tertinggi selepas Johor. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan British di Perak turut membangunkan sektor pertanian selain sektor perlombongan.

Kajian terdahulu mengenai sektor pertanian komersial di Hilir Perak yang meneliti perkembangan sektor ini dalam dua era iaitu sejak dari era British hingga ke era pasca-kemerdekaan masih kurang dihasilkan. Kebanyakan kajian terdahulu mengenai topik ini lebih memfokuskan kepada era British di Perak sahaja. Sebagai contoh kajian oleh Khairi Ariffin et al. (2019a) yang bertajuk *Perladangan Komersial di Daerah Hilir Perak pada Era Kolonial British 1900-1957* yang jelas memfokuskan sektor perladangan komersial semasa era pemerintahan British di Hilir Perak. Manakala kajian oleh Azrai Abdullah et al. (2012) yang bertajuk *The Transformation of Perak's Political and Economic Structure in the British Colonial Period in Malaya (1874-1957)* juga membincangkan sektor ekonomi semasa zaman kolonial British namun tidak memfokuskan pada Hilir Perak secara spesifik. Manakala kajian berjudul *Teluk Anson: 1882-1941: Port, Agriculture and Erosion* oleh Khoo Kay Kim (1995) juga tidak memfokuskan kepada kawasan Hilir Perak. Selain itu, kajian oleh Nurlisa Sarah Mohammad Azmi (2019) yang bertajuk *Peranan British dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Jajahan Dinding, 1874-1942* juga membincangkan perkembangan ekonomi di Dinding pada era British yang jelas bukan sebahagian daripada daerah Hilir Perak yang turut terkenal dengan penanaman getah dan juga tanaman lain.

Selain itu, kajian oleh Norasibah Abdul Jalil et al. (2014) yang berjudul *Status Ekonomi Pekebun Kecil Kelapa di Hilir Perak dan Perak Tengah* membincangkan mengenai pendapatan, perbelanjaan dan simpanan pekebun kecil kelapa di negeri Perak antara tahun 2005 hingga 2007. Kajian ini melibatkan daerah Hilir Perak dan Perak Tengah yang merupakan kawasan tumpuan utama bagi penanaman kelapa. Kajian ini ada menyentuh mengenai pendapatan yang diperoleh oleh pekebun kecil masih pada kadar yang rendah walaupun pada ketika itu harga produk-produk berasaskan kelapa seperti santan dan kerisik mengalami kenaikan yang mendadak. Namun, kajian ini secara keseluruhannya hanya tertumpu kepada pertanian kelapa sahaja dan tidak menekankan pertanian lain yang turut diusahakan di Hilir Perak. Berikutan kekurangan penulisan terdahulu mengenai perkembangan sektor ekonomi komersial di Hilir Perak yang turut menyumbang kepada sektor ekonomi di Hilir Perak, maka isu yang kurang diberi tumpuan ini menjadi fokus perbincangan utama dalam penulisan ini.

### **Ke Arah Pembangunan Pertanian Komersial di Hilir Perak Era British, 1900–1945**

Kedatangan British ke Perak telah membawa pelbagai perubahan dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Di bawah pentadbiran British, Perak telah dibahagikan kepada sepuluh daerah iaitu Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut, Matang, Selama, Kerian, Hilir Perak, Kinta, Dinding dan Batang Padang (FMS *Perak Annual Report* 1892). Pembahagian daerah ini secara tidak langsung memudahkan British menyusun hal ehwal pembangunan ekonomi negeri Perak berdasarkan daerah. Misalnya daerah Hilir Perak yang menjadi tumpuan kajian ini adalah merupakan daerah tumpuan oleh British untuk membangunkan sektor pertanian berbentuk komersial bagi mengukuhkan lagi jaringan perdagangan merkantilisme di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) yang mengutamakan ekonomi eksport sebagai sumber pendapatan penting (Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin 2016). Menurut Lim Teck Ghee (1977), Perak merupakan antara negeri terawal yang merizabkan tanah di daerah Hilir Perak untuk tujuan perladangan tanaman komersial berbanding negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Antara jenis tanaman di Hilir Perak yang digalakkan oleh British untuk dikomersialkan ialah getah, kelapa, kelapa sawit dan koko (FMS *Perak Annual Report* 1892).

Pada awal pengenalan jenis tanaman dan pembangunan pertanian bersifat komersial di Hilir Perak oleh kerajaan British ini, penglibatan masyarakat tempatan khususnya orang Melayu adalah sangat kurang. Hal ini secara dasarnya adalah disebabkan oleh corak ekonomi tradisional orang Melayu yang bersifat sara diri adalah berbeza dengan sistem ekonomi bercorak komersial. Perbezaan yang paling ketara atau utama adalah dari aspek modal kerana pertanian komersial yang diusahakan dalam skala besar memerlukan pelaburan modal yang besar yang hanya mampu disumbangkan oleh golongan kapitalis khususnya pemodal asing dari Eropah misalnya dari Britain (Lim Teck Ghee 1976). Masyarakat tempatan lazimnya tidak mempunyai modal yang besar, maka mereka dilihat tidak berupaya untuk terlibat dalam kegiatan tanaman pertanian komersial. Sehubungan itu, masyarakat tempatan lebih digalakkan oleh British untuk terlibat dalam sektor

tanaman yang sinonim dengan teras budaya Melayu iaitu tanaman padi (Afifuddin Omar 1990; Muhammad Yuzie Sharfizam Abu Bakar & Mohd Firdaus Abdullah 2023). Justeru, sektor pertanian komersial di Hilir Perak didominasi oleh pelabur Eropah yang mempunyai kekuatan modal yang membolehkan tanaman pertanian tersebut diusahakan dalam skala yang besar.

Bagi mencapai matlamat penjajahan iaitu mengeksploitasi sumber bumi di Tanah Melayu bagi mendapatkan keuntungan ekonomi semaksima mungkin, segala dasar dan rancangan ekonomi ditumpukan kepada usaha-usaha mengeksploitasi sumber-sumber galian dan pengeluaran bahan-bahan mentah pertanian bagi memenuhi permintaan yang tinggi di England dan negara-negara Eropah lain berikutan perkembangan Revolusi Industri. Menurut Sivachandralingam Sundara Raja (1997), Revolusi Perindustrian yang bermula di Eropah menyebabkan British memerlukan kawasan baharu terutamanya di NNMB untuk meluaskan aktiviti penanaman getah. Memandangkan British menitikberatkan sektor ekonomi pertanian yang berbentuk komersial, maka British telah mengubal beberapa dasar bagi mencapai matlamat ekonomi ini. Misalnya British membuat dasar memberi galakan dan perhatian terhadap tiga perkara iaitu modal; institut penyelidikan; dan kemudahan infrastruktur, teknologi serta kepakaran bagi membangunkan sektor ekonomi pertanian komersial (Lim Teck Ghee 1976).

### ***Dasar Menggalakkan Kemasukan Modal Asing***

Bagi menggalakkan kemasukan modal asing untuk sektor pertanian komersial, perkara ini dilaksanakan di bawah undang-undang berhubung tanah yang digubal oleh British. Sebelum kedatangan British, segala urusan yang melibatkan tanah adalah di bawah kuasa pembesar Melayu. Sistem lama dan tradisional ini tidak mempunyai rekod pemilikan yang jelas dan terperinci (Nik Haslinda Nik Hussain 2011). Bagi British, rekod bertulis adalah penting untuk urusan pentadbiran. Maka British telah memperkenalkan undang-undang tanah yang berpaksikan amalan di Barat iaitu dengan membahagikan tanah mengikut nilai komersial (Nik Haslinda Nik Hussain 2011). Sesiapa yang ingin mengusahakan tanah perlu membuat permohonan di Pejabat Tanah dan bukan lagi melalui pembesar Melayu. Undang-undang tanah baharu itu memberikan kuasa kepada Residen Negeri untuk menentukan jumlah kawasan konsesi tanah yang diberikan kepada pemodal. Maka adalah jelas bahawa dalam menarik pemodal asing untuk membuka ladang-ladang pertanian komersial di Hilir Perak, kerajaan kolonial British telah memudahkan urusan pembelian tanah di Hilir Perak dengan menawarkan harga tanah yang tidak terlalu tinggi kepada syarikat-syarikat luar tersebut (Lim Teck Ghee 1977).

Mulai dekad pertama kurun ke-20, pemodal Eropah telah melabur secara besar-besaran dalam perusahaan getah di Tanah Melayu umumnya. Banyak estet yang besar telah dibuka oleh syarikat Eropah seperti Harrisons and Crosfield, Guthries, Kumpulan Socfin, Sime Darby dan lain-lain. Perkembangan perusahaan kereta di Amerika Syarikat telah menambahkan permintaan getah di pasaran dunia untuk membuat tayar kereta. Pada tahun 1910, Amerika Syarikat telah mengeluarkan 500,000 buah kenderaan dan perkara ini menjadikan Amerika Syarikat menjadi pembeli getah utama dunia (Lim Teck Ghee 1977). Perkembangan perusahaan kasut, pakaian, peralatan elektrik, perubatan, barang-barang rumah dan perabot menyebabkan permintaan pasaran dunia terhadap komoditi getah daripada NNMB terus bertambah. Sehubungan itu, British mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan penanaman getah oleh masyarakat setempat di Hilir Perak. Misalnya British mengenakan cukai sebanyak 10 sen seekor sahaja bagi 10 tahun pertama ke atas tanah yang digunakan untuk menanam getah. Selepas 10 tahun, cukai dinaikkan kepada 50 sen. Cukai ke atas getah hanya dikenakan pada kadar 2.5% bagi 15 tahun pertama dari tarikh kerja-kerja tanaman dimulakan. Selepas tempoh tersebut, cukai yang dikenakan adalah tidak melebihi 5%.

Penglibatan masyarakat tempatan telah menambahkan pengeluaran getah Tanah Melayu dalam kadar yang berlipat ganda. Menjelang tahun 1914, lebih setengah daripada bekalan getah di pasaran dunia datangnya dari Tanah Melayu (Lim Teck Ghee 1977).

Jadual 1. Eksport Komoditi Getah dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1909-1913

Komoditi	Unit	1909	1910	1911	1912	1913
Getah	Pikul	46,241	94,424	152,369	270,297	401,712

Sumber: Sel. Sect. 2026/1914, *Annual Report 1913*. Trade & Customs

Jadual 1 di atas menunjukkan jumlah eksport komoditi getah NNMB yang semakin meningkat tahun demi tahun. Memandangkan Perak antara negeri NNMB, maka jelas bahawa jumlah komoditi getah tersebut turut merangkumi hasil getah daripada Hilir Perak. Bagi jenis tanaman komersial yang lain, kerajaan kolonial British menggunakan dasar penggunaan tanah untuk tanaman kelapa sawit iaitu dengan tidak mengenakan caj premium dan kadar sewa pula hanya dikenakan pada kadar 50 sen bagi setiap satu ekar tanah (Khairi Ariffin et al. 2019a).

### ***Dasar Pemberian Bantuan Penyelidikan, Infrastruktur, Teknologi dan Kepakaran***

Bagi memajukan lagi sektor pertanian komersial di Tanah Melayu umumnya dan Hilir Perak khususnya, British telah menubuhkan Institut Penyelidikan Getah pada tahun 1926. Institut tersebut telah menghasilkan cara-cara yang lebih baik bagi penanaman getah, penggunaan baja, kawalan serangga, memproses susu getah, pisau penoreh yang sesuai, cara mengawet dan memekatkan susu getah (FMS *Perak Annual Report Social and Economic Progress* 1939). Selain itu, H.N. Ridley turut memperkenalkan teknik torehan yang mampu menghasilkan susu getah pada kadar yang maksimum (Joseph 2008). Sehubungan itu, tanaman getah di Hilir Perak telah mula diperluaskan mulai tahun 1905 (Jackson 1968). Hal ini dikatakan demikian kerana daerah Hilir Perak mempunyai tanah yang subur yang sesuai untuk penanaman getah. Maka dalam tempoh 1900-an, penanaman getah telah menyebabkan sektor pertanian komersial di Hilir Perak terus berkembang (Drabble 1967).

Kerajaan British turut membantu dalam mencegah masalah serangan dan penyebaran serangga perosak yang mampu memusnahkan tanaman bagi mengelakkan kualiti tanaman komersial merosot dan tidak mencapai standard atau kriteria yang digariskan oleh pasaran dunia (Khairi Ariffin et al. 2019a). Sebagai contoh, Jabatan Pertanian telah membekalkan sebanyak 53 ton racun serangga perosak bagi satu hektar tanaman koko dan kelapa dalam tempoh empat tahun bermula tahun 1956 (Jabatan Pertanian Malaysia 1964). Inisiatif mencegah serangga perosak tersebut secara tidak langsung telah membantu meningkatkan lagi komoditi hasil pertanian komersial di Hilir Perak. Kerajaan British turut membangunkan kemudahan infrastruktur bagi merencanakan lagi kegiatan sektor pertanian komersial di Hilir Perak. Misalnya laluan jalan raya disediakan serta kerja penambahbaikan sistem pengairan dilaksanakan bagi memudahkan jalan perhubungan dari Hilir Perak untuk ke pelabuhan-pelabuhan supaya hasil tanaman komersial dapat dieksport ke luar negara (Khairi Ariffin et al. 2019a). Pembukaan ladang-ladang baharu seperti East Asiatic Co., Railway Godown, Harrison & Crossfield M. Ltd., Harper, Griffillan & Co. Ltd., Lee Rubber Co. Ltd., Chin Hin Rubber Co. dan banyak lagi juga semakin meningkat disebabkan adanya kemudahan pengangkutan serta jaringan komunikasi tersebut (FMS *Annual Report on Social and Economic Progress* 1948).

Selain itu, kerajaan British yang menubuhkan Jabatan Pertanian turut menyediakan khidmat nasihat pakar kepada para peladang dalam menghasilkan hasil tanaman yang berkualiti dalam kuantiti yang lebih banyak. Misalnya *Asiatic Rubber Instructor* yang dimiliki oleh Institut Penyelidikan Getah telah menyediakan khidmat nasihat bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti tanaman getah di Hilir Perak (FMS *Perak Annual Report Social and Economic Progress* 1939). Khidmat nasihat pakar turut disediakan untuk tanaman kelapa di Bagan Datoh bagi memantau dan mengawal kualiti tanaman tersebut (FS *Annual Report of the Department of Agriculture* 1957a). Institusi pembelajaran dalam sektor pertanian juga disediakan antaranya di kawasan Bagan Datoh yang mempunyai kemudahan asrama dan latihan khas (FS *Annual Report of the Department of Agriculture* 1957a). Segala kemudahan bantuan

yang disediakan oleh kerajaan British ini telah memberi manfaat yang besar kepada pemodal, pengusaha dan pekerja ladang komersial di Hilir Perak kerana khidmat nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan oleh kerajaan British ini telah membantu para peladang menanam dan menghasilkan hasil tanaman dengan cara yang betul.

### **Pembangunan Pertanian Komersial di Hilir Perak Era British, 1947-1957**

Dasar British yang menggalakkan kemasukan pemodal asing dari Eropah dan pemberian bantuan penyelidikan, infrastruktur, teknologi dan kepakaran kepada sektor pertanian komersial secara tidak langsung telah menyumbang kepada perkembangan sektor pertanian dan pembandaran di Hilir Perak antara tempoh 1945 hingga 1957. Antara tanaman pertanian komersial yang difokuskan dalam penulisan ini ialah tanaman getah, kelapa, kelapa sawit dan koko.

#### ***Getah***

Tanaman getah mendapat permintaan yang baik di pasaran dunia dan perkara ini membuka peluang dan ruang untuk British merencanakan lagi sektor pertanian getah secara komersial bagi meraih keuntungan yang semaksima mungkin. Tanaman getah mula diusahakan di Tanah Melayu khususnya di NNMB selepas kemerosotan tanaman kopi ekoran kemerosotan harga kopi akibat penawaran yang berlebihan berbanding permintaan di pasaran dunia dan juga pokok-pokok kopi mula diserang oleh penyakit yang dibawa oleh kupu-kupu Beehawk (Joseph 2008). Justeru, getah mula ditanam sebagai tanaman baharu bagi menggantikan tanaman kopi. Dalam era British, beribu-ribu hektar tanah di Hilir Perak telah dibuka dan dimajukan untuk tanaman getah seperti ladang-ladang yang dibuka di Changkat Jong, Teluk Anson, Batak Rabit dan Bagan Datoh (Khoo Kay Kim 1982). Menurut Khairi Ariffin et al. (2019a), peningkatan tanaman getah mendapat tempat sehingga penanaman tebu juga diganti dengan tanaman getah disebabkan pengurus ladang percaya bahawa getah lebih memberi keuntungan yang besar.

Menjelang tahun 1947, pertanian getah telah berkembang dengan pesat di Perak (merangkumi Hilir Perak) apabila sebanyak 555,219 hektar tanah digunakan untuk penanaman getah (DAFM *Malayan Agriculture Statistics* 1947-1949). Perak merupakan negeri kedua tertinggi selepas Johor yang menunjukkan keluasan tanah sebanyak 885,977 hektar dalam penanaman getah (DAFM *Malayan Agriculture Statistics* 1947-1949). Daerah Hilir Perak turut menyumbang dalam pembangunan perladangan getah dengan keluasan tanah tanaman getah sebanyak 13,000 ekar (Drabble 1973). Perkembangan sektor pertanian getah di Hilir Perak dapat dilihat melalui jumlah syarikat getah yang beroperasi di daerah tersebut. Jadual 2 menunjukkan senarai syarikat dan pemilik perladangan getah di Hilir Perak pada tahun 1948 (FMS *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak* 1948).

Jadual 2. Senarai Syarikat dan Pemilik Perladangan Getah di Hilir Perak pada 1948

<b>Nama syarikat dan pemilik perusahaan getah</b>	<b>Kawasan</b>
East Asiatic Co., Railway Godown Harrison & Crossfield M. Ltd. Harper, Griffillan & Co. Ltd. Lee Rubber Co. Ltd. Chin Hin Rubber Co.	Changkat Jong Road
Ooh Poh Kooi The Jendarata Rubber Company Limited Foo Thong Thye Kuay Kim Suah The Tuaw Kian Kok U Yun	13 Mahkota Road Jendarata
Png Hock Seng Oon Boon Tong	Canal Road Anson Road

---

Oon Chou Eng	
Lim Hock Chee	
The Aik Chor	
Tan Kwee Lim	
Mat Zahari	Paulian Street
Ong Boon Soo	
Ong Khong Thye	
Tan Chou Seng	Market Street
Lim Khe Khye	
Yeoh Kheng Hooi	Ah Cheong Street
Harum B. A Kadir	Hutan Melintang
Chew Ah Noy	
Yeoh Saw Tee	Langkap
Alang Ahmad M Nasir	
Md Ghazanah M. Bakri	
Mohamed Nuri B H.A Hamid	Degong

---

Sumber: Federated Malay States, *Annual Report on Social and Economic Progress 1948*

Jadual 2 di atas jelas menunjukkan banyak syarikat getah dibuka iaitu melebihi 15 buah syarikat ekoran kemasukan pemodal asing dari Eropah dan juga China selain bantuan penyelidikan, infrastruktur, teknologi dan kepakaran yang disediakan oleh British (FMS *Annual Report on Social and Economic Progress 1948*). Maka atas sebab itulah daerah Hilir Perak muncul sebagai sebuah kawasan pengeluaran getah yang tertinggi bagi negeri Perak. Perkara ini bertepatan dengan keluasan ladang yang diperuntukkan bagi tanaman getah di Perak iaitu 3,317,299 hektar pada tahun 1947 (FMS *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1947*; FS *Agriculture Department Annual Report 1948a*). Berdasarkan Jadual 2 juga, didapati bahawa sebahagian besar ladang getah terletak di Jalan Changkat Jong terdiri daripada ladang yang dimiliki oleh pemodal Eropah dan terdapat juga syarikat juga dimiliki oleh pemodal dari China (Khairi Ariffin et al. 2019a). Hanya terdapat empat syarikat yang dimiliki oleh orang Melayu iaitu di Hutan Melintang, Langkap dan Degong. Perkara ini jelas menunjukkan sektor pertanian komersial dikuasai oleh syarikat asing dari Eropah dan China.

Menjelang tahun 1951, tanaman getah di Perak telah meningkat kepada 3,360,828 hektar (FS *Federation of Malaya Annual Report 1951*). Maka adalah jelas bahawa daerah Hilir Perak turut menyumbang kepada keluasan tanah bagi tanaman getah untuk tujuan komersial. Hal ini bertepatan dengan kenyataan T.H. Silcock (1959) bahawa: *'Whether in boom or depression, rubber was the more profitable crop.'* Data tersebut menunjukkan Hilir Perak juga menjadi antara kawasan yang terpenting dalam tanaman getah pada era kolonial. Sehingga hujung kurun ke-20, berbanding tanaman komersial yang lain, getah merupakan tanaman yang menduduki tempat pertama di Hilir Perak (Khoo Kay Kim 1982). Hal ini sekaligus telah menjadikan Hilir Perak sebagai sebuah kawasan terkenal dengan pertanian getah.

### **Kelapa**

Kelapa juga merupakan salah satu tanaman komersial yang terkenal di Perak terutama di daerah Hilir Perak. Sejak tahun 1910-an, daerah Hilir Perak telah menjadi sebuah kawasan yang berpotensi bagi tanaman kelapa dan mampu dibangunkan dan dikomersialkan (Khairi Ariffin et al. 2019a). Daerah Hilir Perak dikategorikan sebagai kawasan pembangunan perladangan kelapa yang paling penting adalah disebabkan oleh kesesuaian tanah (Lim Teck Ghee 1977). Pada tahun 1902, British menubuhkan Jabatan Kelapa Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang beribu pejabat di Kuala Lumpur (Zulkarnain Abdul Rahman 2008). Jabatan Kelapa ini berperanan untuk memantau perkembangan dan masalah yang dihadapi oleh ladang-ladang di NNMB, maka dengan itu hasil komiditi kelapa dapat dihasilkan dengan banyak dan memberi pulangan keuntungan yang tinggi (Zalikhah Bahari 2016). Menjelang tahun 1909, British telah mendapat keuntungan yang besar iaitu sebanyak 30 peratus di daerah Hilir Perak daripada jumlah tanaman kelapa di NNMB (FMS *Department of Agriculture: Report of the Director of Agriculture 1909*; Khoo Kay Kim 1999). Disebabkan



tanaman kelapa boleh memberi keuntungan kepada British, maka atas sebablah itulah perhatian turut diberikan kepada tanaman kelapa khususnya di Hilir Perak. Pegawai British menyatakan bahawa, *'Another industry, like fishing that might receive more encouragement and support in these state is cultivation of coconut'* (Khairi Ariffin et al. 2019a).

Antara sokongan yang diberikan oleh British untuk sektor tanaman kelapa adalah dengan memperluaskan kawasan tanaman kelapa di Hilir Perak (Lim Teck Ghee 1977). Menjelang kurun ke-19, tanah seluas 3,280 ekar telah diperuntukkan bagi tanaman kelapa oleh syarikat konsesi British di Hilir Perak (Khairi Ariffin et al. 2019a). Walaupun tanaman kelapa telah dikomersialkan, kesedaran penduduk setempat terhadap ekonomi komersial masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat masih mengamalkan ekonomi sara diri yang menggunakan kelapa hanya sebagai bahan dalam masakan. Oleh sebab itu, pihak British menghantar M.L.C. Brown untuk mengedarkan risalah dalam bahasa Melayu bagi memberi kesedaran terhadap kepentingan tanaman kelapa (Perak Pioneer 1911). Hasilnya, penglibatan masyarakat setempat dalam kegiatan penanaman kelapa secara komersial semakin meningkat. Sambutan kepada perladangan kelapa di Hilir Perak dapat dilihat dengan meningkatnya keluasan kawasan bagi tanaman kelapa pada tahun 1948 iaitu apabila seluas 45,608 hektar digunakan untuk bagi tanaman kelapa di Hilir Perak (FS *Agriculture Department Annual Report* 1948a).

Perkembangan tanaman kelapa di Hilir Perak juga dikaitkan dengan peningkatan harga pasaran bagi kelapa pada tahun 1947 iaitu apabila sebiji kelapa harganya mencecah sehingga 10 sen (Perak Secretariat, 637/1948 1947). Peningkatan harga kelapa di pasaran telah memberi kesan kepada harga pasaran minyak kelapa. Bagi harga kelapa yang dibekalkan untuk proses penghasilan kopra di daerah Hilir Perak telah dicatatkan sejumlah 70 sen sehingga \$1.30 bagi setiap seratus biji kelapa (FMS *Perak Annual Report Social and Economic Progress* 1939). Sehubungan itu, keluasan tanah yang digunakan untuk tanaman kelapa terus meningkat kepada 100,781 hektar menjelang tahun 1948 (DAFM *Malayan Agriculture Statistics* 1947-1949). Perkembangan sektor tanaman kelapa di Hilir Perak juga dapat dilihat melalui jumlah ladang kelapa yang terdapat di daerah tersebut. Jadual 3 di bawah merupakan senarai ladang kelapa serta lokasi kawasan yang terdapat di daerah Hilir Perak pada tahun 1948 (Perak Secretariat, 1590/1948 1948).

Jadual 3. Senarai Ladang Kelapa dan Lokasi yang Terdapat di Daerah Hilir Perak, 1948

<b>Nama ladang</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Pemilik</b>	<b>Keluasan (Ekar)</b>
Bagan Datoh	28th Mile Bagan Datoh Road		429/
Strathmashie	Bagan Datoh		3400
Melintang	Berembang Panjang	Straits	2190
New Coconut Estate	Sungai Dulang	Plantation Ltd	1208
Teluk Buluh	Hutan Melintang		3059
Flemington and Sg Dulang	16th Mile Bagan Datoh Road		2195
Kuala Bernam	17th Mile Bagan Datoh Road	The United Plantation	2065
Rungkup	23th Mile Bagan Datoh Road	Perak Kongsi Coconut	1007
Blenheim	20th Mile Bagan Datoh Road	The Lower Perak Co. Ltd.	1985
Perak River	Berembang Panjang	The Perak River Coconut	2004
Bagan Pasir	20th Mile Bagan Datoh Road	Coconut Estate of Perak	2467
Teluk Bharu	17th Mile Bagan Datoh Road	Teluk Bharu Coconut	1446
Kuala Perak & 21st Mile	25th Mile Bagan Datoh Road	The Malay Coconut Estate	2996
Antara Estate	Sepintas, Bernam River	M. Mana Pillay	266

Alpha Bernam	Teluk Buluh	Son of Muthiah Pillay Tan Ean Kiam	1490
Ingall	Tebik Rebak	Chew Aun Choon and Chew Cheok	252
Jayang Rondar	13th Mile Bagan Datoh Road	Tuah S.K.M.M. Meyappa Chettiar	279
Mon Repos	Teluk Kerdu, Sg Bernam	Gustav Ekeroth P.R.	351
Teluk Selangin	8th Mile Bagan Datoh Road	Egambaram Pillay	651
Tan Cheok	Teluk Bharu	Tan Cheok & Tan Ah Ngau	335
Lingam Estate	Kota Setia	R.M.V.E Vythilingam Pillay	497
Kamatchy Estate	Teluk Bharu	K.R.S Suthambara	306

Sumber: *Coconut Estate in Perak*, Perak Secretariat, 1590/1948

Berdasarkan Jadual 3 di atas, didapati Bagan Datoh merupakan kawasan tumpuan bagi penanaman kelapa. Memandangkan Bagan Datoh merupakan hab tanaman kelapa maka mukim tersebut antara yang paling tinggi dalam menghasilkan tanaman kelapa (FS *Annual Report of the Department of Agriculture* 1957a). Bagan Datoh juga terkenal sebagai tempat untuk Jabatan Pertanian membuat kajian mengenai masalah-masalah yang menjejaskan hasil tanaman kelapa agar langkah pemulihan dapat dirangka dan dilaksanakan (Jabatan Pertanian Malaysia 1957). Menjelang tahun 1954, kawasan tanaman kelapa telah meningkat kepada 450,342 hektar di Perak (Federal Secretariat 1953-1954). Jadual 4 di bawah menunjukkan purata pengeluaran kelapa di kawasan Hilir Perak pada tahun 1956 (Kementerian Pertanian Malaysia 1956).

Jadual 4. Purata Pengeluaran bagi Hilir Perak 1956

Kawasan	Purata pengeluaran setiap petani setahun	Purata keluasan setiap petani	Nombor laporan
Jln. Peri, Kg. Kota (1)	8, 205	4.7	40
Spg. 4, Hutan Melintang (2)	4, 647	3.7	34
Parit 15 To Parit 25 (3)	7, 561	3.04	41
Tebing Rebak Parit 11-15 (4)	8, 821	3.3	42
Parit 3 To 11 (6)	8, 387	4.4	49
Sg. Hj. Mohd. Sg. Batang, Batu 20 ½ (8)	8, 556	4.1	45
Sg. Nipah, Sg. Tiang Darat (12)	10, 222	4.5	34
Spg. 4, Rungkup Tebok Sg. Burung (14)	7, 920	3.05	28
Sg. Nipah, Sg. Ular, Sg. Batu (15)	7, 275	4.2	30
Sg. Nipah Darat, Sg. Tengah (16)	11, 884	4.5	41
Sg. Pergam (18)	13, 358	4.7	30

Sumber: Report of the Coconut Marketing Survey (Sabak Bernam and Lower Perak Districts), Kementerian Pertanian Malaysia 1956

Berdasarkan Jadual 4 di atas, tanaman kelapa yang diusahakan oleh masyarakat setempat khususnya di kawasan-kawasan kampung menunjukkan hasil pengeluaran yang banyak. Perkara ini secara tidak langsung berkait dengan galakan serta bantuan yang diberikan oleh British kepada golongan pemodal asing bagi memajukan sektor ini lalu berupaya mendapatkan hasil serta keuntungan yang banyak. Antara galakan dan bantuan tersebut adalah seperti pemberian pelbagai insentif yang dapat mengurangkan kos pengeluaran modal; diberi pinjaman kewangan yang kadar kelulusannya mudah; pembukaan ladang-ladang baharu dengan mudah dan lain-lain (Zalikhah Bahari 2016). Selain itu, Jabatan Kelapa NNMB juga turut membantu menangani masalah serangan binatang seperti tupai, kumbang, belalang dan anai-anai (Zalikhah Bahari 2016). Hasil komoditi daripada tanaman kelapa di Hilir Perak adalah dicatatkan sebanyak 8,790 biji kelapa per ekar (Kementerian Pertanian Malaysia 1956). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa tanaman kelapa di Hilir Perak merupakan tanaman yang penting. Justeru, kawasan Hilir Perak telah berkembang sebagai kawasan perladangan kelapa yang terkenal serta menjadikan daerah tersebut sebagai sebuah kawasan pertanian komersial.

### ***Kelapa Sawit***

Menurut Isabella L. Bird (1953), '*Perak in the land of plam, and produce the invaluable cocoa-palm, most part of Perak which have their commercial value.*' Sektor tanaman kelapa sawit di daerah Hilir Perak juga turut menyumbang dalam pengeluaran kelapa sawit yang tertinggi bagi negeri Perak. Perkara ini selari dengan inisiatif British yang telah memperuntukkan kawasan yang luas bagi tanaman kelapa sawit di daerah Hilir Perak (FMS *Perak Administration Report* 1920). Pada tahun 1948, seluas 83,319 hektar tanah di Hilir Perak digunakan bagi tanaman kelapa sawit (FS *Agriculture Department Annual Report* 1948a). British berusaha memperkenalkan tanaman kelapa sawit di Tanah Melayu umumnya dan Hilir Perak khususnya adalah untuk mengaut keuntungan komoditi hasil tanaman kelapa sawit memandangkan tanah dan iklim di daerah Hilir Perak adalah sangat sesuai untuk tanaman kelapa sawit seperti yang tercatat dalam rekod Jabatan Pertanian Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang berpusat di Selangor (Selangor Secretariat, 875/20 1948).

Pada tahun 1947, sejumlah 14,174.3 tan minyak sawit dan 1,787.9 tan isirung sawit telah dikeluarkan yang merupakan jumlah pengeluaran tertinggi berbanding tahun sebelumnya (FMS *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak* 1947). Hal ini bertepatan dengan situasi semasa di pasaran dunia yang menunjukkan bahawa kelapa sawit mendapat permintaan yang tinggi. Minyak sawit digunakan dalam pembuatan lilin, sabun dan juga plat timah (Selangor Secretariat, 875/20 1948). Disebabkan hasil barangan daripada komoditi minyak kelapa sawit banyak digunakan dalam kehidupan seharian dan juga makanan, maka tanaman kelapa sawit telah menjadi satu komoditi yang sangat diperlukan untuk pasaran tempatan mahupun pasaran dunia. Maka, British terus menggalakkan pembukaan ladang-ladang komersial kelapa sawit.

Bagi menggalakkan para pemodal asing mengusahakan tanaman kelapa sawit di Hilir Perak, British telah memberi kelonggaran kepada para pemodal asing dan juga para pengusaha ladang kelapa sawit dalam mendapatkan tanah untuk tujuan pembukaan ladang-ladang kelapa sawit yang baharu. Sebagai contoh, permohonan tanah oleh Syarikat *Messrs Straits Plantation* di mukim Hutan Melintang dalam tahun 1948 yang bertempat antara Sungai Sepong dengan Sungai Bernam bagi tujuan pembukaan ladang kelapa sawit telah diluluskan dengan mudah dalam masa yang singkat (Perak Secretariat 1948a). Biasanya pembelian tanah di kawasan sempadan antara negeri biasanya mengambil masa untuk kelulusan yang lebih panjang. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa British berusaha meringankan urusan dalam hal ehwal pemilikan tanah supaya tanaman kelapa sawit dapat berkembang dengan lebih maju dan pesat. Perkara ini secara tidak langsung telah membantu membangunkan lagi kawasan Hilir Perak.

### ***Koko***

Antara tahun 1923 hingga 1938, tanaman koko ditanam di Tanah Melayu sebagai tanaman alternatif oleh Jabatan Pertanian untuk tujuan penyelidikan (Jabatan Pertanian Malaysia 1950; Amarjit Kaur 1995). Menjelang tahun 1940-an, tanaman koko mula diusahakan secara komersial di Hilir Perak

oleh pemodal-pemodal asing dari Eropah. Dalam usaha untuk menarik masyarakat tempatan untuk terlibat dengan lebih aktif dalam sektor ekonomi komersial ini, British pada tahun 1947 telah menggalakkan golongan pekebun kecil untuk mengusahakan tanaman koko ini (Perak Secretariat 1948b). Daerah Hilir Perak menjadi pilihan untuk tanaman koko ini adalah disebabkan oleh faktor cuaca dan tanah yang subur iaitu tanah alluvium yang banyak terdapat di daerah Hilir Perak yang menjadikan tanaman koko tumbuh dengan baik (State Agriculture Officer Perak 1905; Khairi Ariffin et al. 2019a). Pada tahun 1948, tanah seluas 15 hektar digunakan untuk tanaman koko di Perak dan keluasan ini adalah merupakan ketiga tertinggi selepas Selangor dan Pulau Pinang (DAFM *Malayan Agriculture Statistics* 1947-1949).

Tanaman koko secara komersial terus berkembang secara dinamik di Perak khususnya di Hilir Perak. Secara keseluruhan, terdapat lima ladang koko di Tanah Melayu yang diusahakan secara komersial dan daerah Degong di Hilir Perak adalah salah satu daripadanya dengan keluasan 225 ekar (Federal Secretariat 1957b). Ladang-ladang ini pada asalnya adalah merupakan ladang tanaman koko untuk tujuan penyelidikan sebelum itu (Federal Secretariat 1948b). Disebabkan tanaman koko ini subur di daerah Hilir Perak, British telah melakukan pelbagai inisiatif bagi menyokong perkembangan tanaman koko ini kerana sektor ini dilihat mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pertanian negeri Perak (Perak Secretariat 1948b). Antara inisiatif British adalah dengan menjalankan pelbagai uji kaji terhadap tanaman koko dan hasilnya British mendapati tanaman koko amat sesuai untuk kegiatan pertanian dalam kalangan petani tempatan (Khairi Ariffin et al. 2019a). Ladang koko di Hilir Perak banyak disebut di Laporan Pertanian Tanah Melayu ketika zaman penjajahan British. Hal ini jelas menunjukkan Hilir Perak adalah merupakan daerah utama bagi tanaman koko, sebagai contoh *Strabmashe Estate*, Bagan Datoh dan juga Degong adalah antara ladang yang terkenal bagi tanaman koko di Hilir Perak (Jabatan Pertanian Malaysia 1950).

### **Pembangunan Pertanian Komersial di Hilir Perak Era Pasca-Kemerdekaan, 1957-1970**

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan Tanah Melayu (kemudiannya Malaysia mulai 1963) telah meneruskan segala usaha untuk memajukan kegiatan pertanian komersial di Tanah Melayu dan Malaysia kemudiannya. Beberapa inisiatif seperti perubahan dasar yang melibatkan hal ehwal pertanian telah dilaksanakan di seluruh negara yang turut merangkumi daerah Hilir Perak yang dapat meningkatkan lagi penglibatan masyarakat tempatan dalam pertanian komersial dan juga yang bersesuaian dengan situasi masyarakat yang berbilang kaum. Hal ini dikatakan demikian kerana dasar yang dilakukan oleh British sebelum itu terutama dalam dasar pertanian hanyalah untuk mengaut keuntungan semata-mata. Pada tahun 1966, keluasan tanah di Perak sebagai kawasan pertanian juga telah meningkat kepada 1,403,460 hektar (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1966). Faktor cuaca dan juga iklim yang baik di Perak juga telah menjadi faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan hasil tanaman di Perak (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1969a).

Tanah di Hilir Perak yang dijadikan sebagai kawasan pertanian ialah sebanyak 376,119 ekar dan merupakan kawasan pertanian tertinggi di negeri Perak (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1966). Perkara ini menunjukkan bahawa sektor pertanian di Perak umumnya dan Hilir Perak khususnya terus berkembang secara dinamik di bawah pentadbiran kerajaan Negeri Perak. Selain itu, Kerajaan Negeri Perak juga telah melaksanakan dasar dan inisiatif bagi melibatkan masyarakat setempat di Hilir Perak secara langsung dalam kegiatan ekonomi pertanian yang bersifat komersial (A. Rahman Tang Abdullah 2018). Sehubungan itu, peranan pekebun kecil menjadi semakin signifikan dalam perkembangan sektor pertanian komersial dalam era pasca-kemerdekaan. Sektor pertanian komersial berkembang semakin meluas terutama di Hilir Perak disebabkan bantuan institusi-institusi kerajaan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Institusi Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian (MARDI), Lembaga Pemajuan Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Jabatan Pertanian. Kesemua institusi ini telah menjadi nadi penggerak bagi tanaman komersial terutama di luar bandar seperti Hilir Perak.

### ***Peranan Jabatan Pertanian Negeri Perak Diperkasakan***

Jabatan Pertanian Negeri Perak merupakan antara institusi yang membantu masyarakat tempatan dalam menghasilkan tanaman yang baik dan berkualiti. Selepas 1957, peranan Jabatan Pertanian Negeri Perak telah berkembang dengan pesat dan diperkukuhkan serta terlibat sepenuhnya dalam bidang penyelidikan, menyediakan khidmat pengembangan dan pemasaran serta pembangunan dan juga pertubuhan-pertubuhan peladang (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan 2021). Selain itu, Jabatan Pertanian Negeri Perak turut dibantu oleh agensi kerajaan seperti FAMA, MARDI, LPP dan RISDA (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan 2021). Hilir Perak mendapat perhatian bagi Jabatan Pertanian Negeri Perak kerana daerah ini merupakan kawasan pertanian utama di negeri Perak. Jabatan Pertanian Negeri Perak menyediakan latihan pertanian bagi petani-petani, pemuda di luar bandar, ahli-ahli Persatuan Peladang dan bekas perajurit tanah air di Pusat Latihan Pertanian, Degong (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1961). Masyarakat tempatan telah diberi latihan serta kursus bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam pertanian. Kursus yang dijalankan selama 15 hari telah diberi pengetahuan dalam penanaman, ilmu syarikat serta cara menyelamatkan tanah daripada rosak (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1961). Hal ini jelas menunjukkan Jabatan Pertanian Negeri Perak telah membantu dengan mengadakan kursus agar dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat tempatan di Hilir Perak bagi menghasilkan tanaman yang berkualiti.

Selain itu, Jabatan Pertanian Negeri Perak juga telah menyediakan ceramah dan syarahan agar dapat membantu lebih ramai pekebun kecil. Perkara ini sekaligus dapat menarik minat lebih ramai masyarakat tempatan di Hilir Perak untuk terlibat dengan pertanian komersial. Jabatan Pertanian Negeri Perak turut menganjurkan syarahan dan ceramah kepada penghulu dan golongan pemuda dengan menggunakan kereta Perkhidmatan Nasehat Pertanian (*Agricultural Mobile Unit*) di seluruh kawasan Hilir Perak (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1965). Antara syarahan yang diberikan oleh Pegawai Pelajaran Pertanian Perak ialah berkenaan "*Extension* Pertanian", "Asas Pertanian" dan "Mencegah Musoh-musoh Penyakit Tanaman" (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1965). Pegawai Jabatan Pertanian Negeri Perak juga telah bekerjasama dengan jawatankuasa pembangunan luar bandar untuk menjayakan segala rancangan tanah dalam negara terutama tanaman getah (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1963). Dasar ini memberi peluang kepada pekebun kecil terutama di Hilir Perak untuk menghasilkan tanaman yang berkualiti.

Penubuhan RISDA pada tahun 1973 turut membantu pekebun kecil di Hilir Perak dengan penubuhan koperasi. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil (KPK) Daerah Hilir Perak Berhad ditubuhkan untuk pembangunan masyarakat pekebun kecil melalui penggabungan tenaga, modal dan kemahiran pengurusan bagi meningkatkan lagi penglibatan dan penyertaan dalam aktiviti komersial (Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2021). Kerajaan Negeri Perak turut melakukan pelbagai usaha agar dapat melibatkan lebih ramai masyarakat tempatan tidak kira kaum dalam ekonomi komersial. Pegawai Jabatan Pertanian Negeri Perak juga bekerjasama dengan pegawai Penyelidikan Getah sepanjang tahun untuk menjalankan kempen memproses getah pekebun-pekebun kecil di Hilir Perak seperti cara menoreh getah yang betul (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1969b). Bantuan dan perhatian yang diberikan oleh Jabatan Pertanian Negeri Perak membantu pekebun kecil dalam menghasilkan tanaman dengan baik dan menepati standard pasaran dunia.

Jabatan Pertanian Negeri Perak juga telah menggalakkan masyarakat tempatan untuk melibatkan diri dalam pertanian komersial dengan pembukaan tanah. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, tanaman koko yang dikeluarkan di bawah Bantuan Tanaman Ladang ialah 6,527 ekar (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1970b). Kerajaan Negeri Perak telah membantu pembukaan tanah yang lebih luas agar dapat melibatkan lebih ramai masyarakat dengan sektor pertanian. Perkara ini sekaligus dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat terutama di Hilir Perak. Lawatan dan perjumpaan dengan penanam kelapa di Hilir Perak telah dibuat bagi membuka jalan persiapan Rancangan Bertanam Semula dan Pemulihan Kebun-kebun Kelapa pada tahun 1964 (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1963).

Persatuan Peladang juga telah memainkan peranan dalam membantu pertanian komersial di Hilir Perak. Persatuan ini telah aktif selepas kemerdekaan dan merupakan sebahagian daripada

Jabatan Pertanian Negeri Perak bagi membantu pekebun kecil di Hilir Perak. Persatuan Peladang ini telah membantu dengan memaparkan gambar berkaitan pertanian di kampung-kampung (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1961). Persatuan Peladang dilihat sebagai satu medium bagi membantu pekebun serta peladang dengan memberi ilmu pengetahuan dalam pertanian agar menepati kuantiti dan kualiti untuk dikomersialkan. Jadual 5 menunjukkan rancangan-rancangan yang telah dijalankan oleh Persatuan Peladang pada tahun 1968 bagi membantu pekebun di Hilir Perak (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 1969):

Jadual 5. Rancangan-Rancangan Persatuan Peladang di Hilir Perak

Nama persatuan daerah peladang	Kejayaan yang dicapai
Sungai Manek/ Labu Kubong (Hilir Perak)	i. Menjalankan projek tanaman semula/ pemuliharaan dusun ii. Kredit projek padi/ kacang tanah iii. Menjalankan kursus perkembangan iv. Menjalankan kursus rumah tangga dan menjual baja dan ubat serangga

Sumber: Laporan Pertanian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, 1969

Berdasarkan Jadual 5 di atas, Persatuan Peladang di Hilir Perak telah membantu pekebun kecil terutamanya dalam memperoleh ilmu pengetahuan dalam bidang pertanian. Persatuan Peladang Sungai Manik juga membantu untuk mengeluarkan anak-anak semaian koko bagi keperluan pekebun-pekebun kecil melalui Lembaga Tanam Semula Kelapa, Teluk Anson (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 1970). Perkara ini jelas menunjukkan Persatuan Peladang merupakan institusi yang penting dalam membantu perkembangan pertanian komersial di Hilir Perak pada era pasca-kemerdekaan.

### ***Pemeriksaan Peranan Pekebun Kecil***

Pekebun kecil merupakan masyarakat tempatan yang turut mengusahakan tanaman komersial seperti syarikat-syarikat perladangan komersial tanaman getah, kelapa, kelapa sawit dan koko, cuma dalam skala yang lebih kecil. Pekebun kecil terdiri daripada golongan masyarakat tempatan. Mereka terdiri daripada golongan yang berusia dan berpengalaman dalam selok-belok penanaman (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1963). Golongan pekebun kecil memiliki tanah kurang daripada 40.4686 hektar (100 ekar) manakala syarikat-syarikat perladangan komersial pula memiliki tanah seluas 40.4686 hektar (100 ekar) dan lebih (Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2021). Pada era British, masyarakat tempatan masih belum menerima sepenuhnya transisi ekonomi sara diri kepada ekonomi komersial atas beberapa sebab seperti kekurangan modal dan kurangnya galakan daripada British. Hal ini secara tidak langsung berpunca daripada dasar British yang enggan melibatkan masyarakat Melayu dalam sektor ekonomi komersial yang bersifat kapitalisme atau komersialisme pada waktu itu kerana masyarakat Melayu diminta untuk menumpukan perhatian kepada sektor tanaman padi (Lim Teck Ghee 1976).

Namun dalam era pasca-kemerdekaan, atas inisiatif Kerajaan Negeri Perak melalui peranan yang dimainkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Perak yang memberikan bantuan dan galakan penuh kepada golongan pekebun kecil, maka golongan ini secara sepenuhnya mulai terlibat dalam sektor ekonomi pertanian yang bersifat komersial (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1969b). Kemahiran penanaman yang dikuasai oleh golongan pekebun kecil ini telah menyebabkan tanaman dapat dihasilkan dengan baik dan mencapai kriteria kualiti yang ditetapkan oleh pasaran. Misalnya golongan pekebun kecil ini dijadikan sebagai tempat rujukan bagi ilmu penanaman ekoran penguasaan mereka dalam sektor ini. Misalnya Jabatan Pertanian Negeri Perak ada merujuk kepada pekebun kecil yang terlibat dalam sektor tanaman kelapa tentang persoalan bagaimana tanaman kelapa dapat dihasilkan dengan berkualiti (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1969b; Kementerian Pertanian Malaysia 1968). Selain itu, masalah untuk memulihkan tanaman kelapa yang rosak akibat

serangan binatang juga turut dirujuk kepada golongan pekebun kecil ini (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1969b; Kementerian Pertanian Malaysia 1968). Walaupun skala tanaman komersial oleh pekebun kecil adalah pada kadar yang sederhana, namun peranan dan sumbangan pekebun kecil ini di Hilir Perak telah membantu merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi komersial di daerah tersebut (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1969b). Perkara ini menunjukkan dinamika dalam perkembangan sektor ini dalam era pasca-kemerdekaan memandangkan Kerajaan Negeri Perak sentiasa berusaha dalam memastikan penglibatan masyarakat tempatan dalam pertanian komersial (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1969b).

### **Pembangunan Pertanian Komersial di Hilir Perak Era Pasca-Kemerdekaan, 1957-1970** ***Getah***

Sektor tanaman getah masih menjadi tanaman komersial yang terkenal di Hilir Perak dalam era pasca-kemerdekaan. Pada tahun 1967, keluasan tanaman getah di Perak ialah 616,228 hektar (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1970b). Harga pasaran bagi tanaman getah ialah \$99 per pikul (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1969b). Harga ini menunjukkan kadar peningkatan jika dibandingkan dengan harga tanaman getah pada tahun 1961 yang hanya pada kadar \$65 sehingga \$72.5 per pikul (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1961). Tanaman getah turut menyumbang kepada komoditi susu getah untuk dipasarkan. Perkara ini telah menyumbang kepada pasaran dunia bagi tanaman komersial. Keluasan tanaman getah di Hilir Perak ialah 144,329 hektar yang menunjukkan kedudukan kedua tertinggi selepas Perak Tengah pada tahun 1970 (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1970b). Jadual 6 di bawah menunjukkan harga pasaran bagi tanaman getah di Perak (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1969b).

Jadual 6. Harga Pasaran Getah pada 1969

<b>Jenis</b>	<b>Pikul/ paun</b>	<b>Harga</b>
R.S.S No. 1	Sa-pikul	\$72.50
R.S.S No. 2	Sa-pikul	\$71.25
Keping tidak berasap No. 1	Sa-pikul	\$68.00
Keping tidak berasap No. 2	Sa-pikul	\$66.00
Sekerap	Sa-pikul	\$35.00
Susu getah cair	Sa-paun	\$68.00

Sumber: Laporan Suku Tahun yang Keempat Oktober-Disember, Jabatan Pertanian Negeri Perak, 1969

Harga pasaran bagi komoditi tersebut secara tidak langsung telah menyumbang kepada perkembangan tanaman getah di Hilir Perak yang dinamik dalam era pasca-kemerdekaan. Perkara ini selaras dengan peruntukan tanah yang luas bagi tanaman getah di Hilir Perak. Jabatan Pertanian turut memperluaskan lagi kawasan tanaman getah bagi membantu petani kecil dalam penanaman getah pada tahun 1965 (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1958-1965). Pada tahun 1966, terdapat 371 estet di Perak yang menunjukkan 87 milik kapitalis Barat dan 284 milik masyarakat tempatan (Jabatan Pertanian Malaysia 1970). Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan syarikat masyarakat tempatan semakin meningkat jika dibandingkan dengan era British yang lebih didominasi oleh syarikat-syarikat asing dari Eropah dan China. Peningkatan penglibatan syarikat tempatan dalam sektor tanaman getah dalam era pasca-kemerdekaan menunjukkan sifat perkembangan yang dinamik bagi sektor ini.

Dalam tahun 1966, jumlah penggunaan tanah untuk sektor tanaman getah untuk seluruh negara ialah seluas 624,101 hektar yang turut merangkumi sebanyak 12% daripada keluasan tanah negeri Perak atau 60.8% daripada keluasan tanah untuk pertanian (Jabatan Pertanian Malaysia 1970).

Manakala keluasan tanah khusus di daerah Hilir Perak menjelang tahun 1970 telah mencapai seluas 62,571 hektar dan diikuti oleh daerah Larut dan Matang sebanyak 46,350 hektar dan akhir sekali 34,951 hektar di daerah Selama pada tahun 1970 (Jabatan Pertanian Malaysia 1970). Daerah yang paling banyak menyumbang tanaman getah di Perak ialah Kuala Kangsar sebanyak 127,388 hektar. Walaupun keluasan penanaman getah di Hilir Perak bukanlah kawasan yang paling luas berbanding daerah lain di Perak, namun daerah Hilir Perak ini masih menyumbang kepada pembangunan ekonomi pertanian yang komersial di Perak.

Selain itu, pekebun kecil turut mempunyai peranan yang signifikan dalam dinamika perkembangan tanaman getah era pasca-kemerdekaan. Jadual 7 di bawah menunjukkan pengeluaran getah pada tahun 1970 di Perak (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1970b).

Jadual 7. Pengeluaran Getah Tahun 1970

Jenis	Keluasan (ekar)	Pengeluaran (ton)
Ladang	201.25	125.78
Pekebun-pekebun kecil	360.87	128.88

Sumber: Laporan Tahunan, Jabatan Pertanian Negeri Perak, 1970

Jadual 7 di atas jelas menunjukkan bahawa golongan pekebun kecil dari daerah Hilir Perak telah menyumbang kepada jumlah pengeluaran komoditi getah yang lebih tinggi sedikit berbanding jumlah pengeluaran komoditi getah dari ladang-ladang besar. Malah keluasan tanah untuk golongan pekebun kecil mengusahakan tanaman getah juga melebihi keluasan tanah ladang (Jabatan Pertanian Malaysia 1970). Keupayaan para pekebun kecil dalam menghasilkan jumlah pengeluaran yang lebih banyak secara tidak langsung disumbang oleh bantuan RISDA yang berfungsi sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk memicu kemajuan golongan pekebun kecil dalam sektor pertanian (Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2021). Malah para pekebun kecil juga bekerjasama dengan institusi di bawah Jabatan Pertanian bagi meningkatkan lagi kemahiran menanam tanaman getah. Sebagai contoh, kerjasama antara Pejabat Penasihat Getah dan Pejabat Tanaman Semula Getah untuk menasihati pekebun-pekebun kecil getah dalam segi menanam, membaja dan cara mengelakkan tanaman rosak (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1969b). Ringkasnya, sokongan dan galakan yang diberikan oleh kerajaan tempatan ini secara tidak langsung telah meningkatkan jumlah penglibatan golongan pekebun kecil dalam sektor tanaman getah secara komersial di Perak khususnya daerah Hilir Perak.

### ***Kelapa***

Kelapa juga merupakan antara tanaman komersial yang penting di Perak khususnya Hilir Perak kerana komoditi ini banyak digunakan dalam kehidupan seharian seperti dalam masakan dan juga bidang kesihatan. Pada tahun 1961, sebanyak 51,842 hektar tanah digunakan untuk tanaman kelapa di Perak dan 38,804 hektar di Hilir Perak (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1961). Jumlah keluasan ini meningkat dengan lebih pesat menjelang tahun 1966 apabila kelapa telah ditanam seluas 104,632 hektar yang mewakili 10.2% daripada keluasan tanah Perak yang digunakan untuk pertanian. Perkembangan penanaman kelapa yang pesat di Hilir Perak telah menjadikan daerah tersebut sebagai hab bekalan benih kelapa. Pakar botani memilih benih-benih kelapa di ladang-ladang kelapa di Hilir Perak untuk disalurkan ke kawasan-kawasan lain yang menyertai Skim Penanaman Semula Kelapa (Federation of Malaya 1957; Jabatan Pertanian Malaysia 1964).

Dalam era pasca-kemerdekaan, kesedaran masyarakat tempatan terhadap kepentingan ekonomi komersial semakin meluas. Ekoran dasar galakan daripada kerajaan tempatan seperti bantuan modal, bantuan taklimat serta pembukaan tanah yang banyak, maka tanaman kelapa semakin mendapat sambutan terutamanya dalam kalangan para pekebun kecil yang sebahagian



besarnya tinggal di daerah Hilir Perak. Jadual 8 di bawah merupakan senarai ladang kelapa di Hilir Perak pada tahun 1964 (Kementerian Pertanian Malaysia 1964).

Jadual 8. Senarai Estet atau Syarikat Tanaman Kelapa pada 1964

<b>Nama ladang/ syarikat</b>	<b>Lokasi</b>
United Plantations Ltd.	17th Mile Bagan Datoh Road
Flemington Estate	16th Mile Bagan Datoh Road
Bagan Pasir Estate	Bagan Datoh
Teluk Bahru Estate	Bagan Datoh
Kuala Perak Estate	21st Milestone Div.
Blenheim Estate	20th Mile Bagan Datoh Road
Perak River Estate	Berembang Panjang
Bagan Datoh/ Sypnie Est.	28th Mile Bagan Datoh Road

Sumber: Implementation of Cocoa Rehabilitation Replanting Scheme (a) Two New Projects on East Coast and Lower Perak (b) Conformation of Pilot Project at Minyak Beku, Kementerian Pertanian Malaysia, 1964

Berdasarkan Jadual 8 di atas, adalah jelas bahawa sektor tanaman kelapa merupakan tanaman yang penting di Hilir Perak. Pada tahun 1963 harga kelapa menunjukkan kenaikan berbanding harga kelapa pada tahun 1962 iaitu dari \$22.50 sehingga \$34.50 sepikul (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1963). Malah harga pasaran bagi komoditi kelapa juga adalah tinggi terutamanya dalam bulan-bulan perayaan seperti Hari Raya Puasa dan perayaan Krismas (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 1970).

Tanaman kelapa di Hilir Perak terus meningkat keluasannya sehingga mencapai 83,586 hektar pada tahun 1966 dan yang paling tertinggi di Perak (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1966). Jadual 9 menunjukkan keluasan tanaman bagi kelapa di Perak pada tahun 1969 (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 1969).

Jadual 9. Keluasan Tanaman Kelapa pada 1969

<b>Jenis</b>	<b>Luas kawasan</b>	<b>Luas kawasan tanaman baru</b>
Ladang Besar	34, 333.75	2, 672.92
Pekebun-pekebun kecil	73, 592.27	305.23
<b>JUMLAH</b>	<b>107, 926.02</b>	<b>2, 978.15</b>

Sumber: Laporan Pertanian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, 1969

Berdasarkan Jadual 9 di atas, jelas menunjukkan bahawa para pekebun kecil mendominasi keluasan tanah bagi tanaman kelapa di Perak pada tahun tersebut. Perkara ini selari dengan rekod catatan oleh Jabatan Pertanian yang menyatakan bahawa pihak jabatan telah menerima permintaan pinjaman wang dari Lembaga Pinjaman Pekebun-Pekebun Kecil bagi memperbaiki parit, membeli baja dan benih untuk penanaman kelapa di Hilir Perak (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1963). Antara kawasan yang popular bagi tanaman kelapa ialah Bagan Datoh, Rungkup dan Hutan Melintang (Kementerian Pertanian Malaysia 1968). Jadual 10 menunjukkan hasil tanaman kelapa di Hilir Perak pada tahun 1968 (Kementerian Pertanian Malaysia 1968).

Jadual 10. Hasil Tanaman Kelapa Di Hilir Perak pada 1968

<b>Kawasan</b>	<b>Keluasan kelapa (per ekar)</b>	<b>Kelapa per ekar (biji)</b>
Hilir Perak	75	1, 946

Sumber: Preliminary Report on the Survey of Coconut Small Holdings in West Malaysia, Kementerian Pertanian Malaysia, 1968

Berdasarkan Jadual 10 di atas menunjukkan para pekebun kecil di Hilir Perak berupaya menghasilkan komoditi kelapa yang banyak sehingga mencecah 1,946 biji bagi satu ekar. Justeru, boleh dikatakan di sini bahawa tanaman kelapa oleh para pekebun kecil di Hilir Perak berupaya menandingi jumlah pengeluaran ladang-ladang kelapa yang lebih besar. Menjelang tahun 1970, sembilan ladang kelapa milik pemodal Eropah dan 14 ladang kelapa milik syarikat tempatan mencatatkan pengeluaran komoditi tertinggi di Bagan Datoh (Kementerian Pertanian Malaysia 1966). Perkara ini menunjukkan peralihan ekonomi komersial dalam masyarakat tempatan semakin diterima dengan baik. Masyarakat tempatan terutamanya di Hilir Perak yang sebahagian besarnya terdiri daripada golongan pekebun kecil telah melibatkan diri secara langsung dalam sektor tanaman kelapa secara komersial berbanding era British. Perkara ini menunjukkan perkembangan yang dinamik bagi sektor tanaman kelapa di Hilir Perak sejak dari era British hingga era pasca-kemerdekaan.

### ***Kelapa sawit***

Dalam era pasca-kemerdekaan, tanaman kelapa sawit di Hilir Perak mula diberi perhatian oleh kerajaan tempatan sehingga keluasan tanah untuk tanaman ini mencecah 46,041 hektar (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1966). Tanaman kelapa sawit menyumbang kepada pelbagai komoditi seperti minyak kelapa sawit, buah kelapa sawit dan lain-lain. Jabatan Pertanian turut menggalakkan para pekebun kecil di Hilir Perak untuk terlibat dalam sektor tanaman kelapa sawit ini secara komersial. Hasilnya, para pekebun kecil di Hilir Perak secara keseluruhannya memiliki sebanyak 5,690 ekar tanah bagi mengusahakan tanaman kelapa sawit (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1966). Jadual 11 menunjukkan kilang kelapa sawit yang terdapat di Hilir Perak (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1969a).

Jadual 11. Kilang Kelapa Sawit di Hilir Perak 1969

<b>Kilang</b>	<b>Pengeluaran (ton)</b>	<b>Menerima buah dari pekebun kecil</b>
Jenderata	5	Ada
Selaba	2	Ada
Sungai Samak	2	Tiada
Ulu Bernam	4	Tiada
Lima Belas	3	Tiada
Nova Scotia	5	Tiada

Sumber: Laporan Suku Tahun yang Keempat Oktober-Disember, Jabatan Pertanian Perak, 1969

Berdasarkan Jadual 11 di atas, dapat dilihat bahawa kilang-kilang kelapa sawit di Hilir Perak turut menerima hasil pengeluaran daripada para pekebun kecil. Perkara ini menunjukkan bahawa masyarakat tempatan khususnya golongan pekebun kecil telah terlibat secara aktif dalam kegiatan ekonomi komersial. Malah, institusi pertanian turut membantu golongan pekebun kecil dalam menghasilkan hasil komoditi yang berkualiti dan menepati kriteria yang digariskan oleh pasaran dunia. Menjelang tahun 1970, tanaman kelapa sawit di daerah Hilir Perak mencatatkan penggunaan tanah yang paling luas iaitu sebanyak 91,939 hektar dan diikuti oleh daerah Krian sebanyak 23,265 hektar dan akhir sekali 7,740 hektar bagi daerah Larut dan Matang (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1970b).

Harga pasaran bagi komoditi kelapa sawit di Hilir Perak juga menunjukkan peningkatan bagi jenis *Red Palm Oil* yang berharga \$595.00 dan jenis *Fresh Fruit Bunches* iaitu \$90.00 bagi setiap ton dalam awal tahun 1970 (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 1970). Harga pasaran bagi minyak kelapa sawit terus meningkat dalam bulan April sehingga Oktober iaitu meningkat sebanyak \$100.00 bagi setiap ton (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 1970). Perkembangan tanaman kelapa sawit di Hilir Perak ini ternyata telah membantu masyarakat tempatan meningkatkan pendapatan dan ekonomi sendiri di samping membantu meningkatkan lagi pendapatan ekonomi di Hilir Perak bagi sektor pertanian komersial.

### ***Koko***

Tanaman koko juga merupakan tanaman yang penting di Hilir Perak pada era pasca-kemerdekaan yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi di daerah tersebut. Dalam era pasca-kemerdekaan iaitu pada tahun 1966, tanah seluas 10,960 ekar di Hilir Perak telah diperuntukkan untuk tanaman koko (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1966). Daerah yang terlibat dalam penanaman komersial ialah daerah Hilir Perak seluas 9,497 ekar; daerah Perak Barat 812 ekar; dan 725 ekar bagi daerah Krian dan akhir sekali daerah Larut dan Matang seluas 15 ekar (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1970b). Berdasarkan angka-angka ini, jelas menunjukkan daerah Hilir Perak mencatatkan keluasan tanah yang tertinggi. Antara pihak yang mengusahakan tanaman koko ini secara komersial termasuk syarikat-syarikat ladang kelapa di Hilir Perak yang mengusahakan tanaman koko secara serentak iaitu dengan menanam pokok-pokok koko di celah-celah pokok-pokok kelapa. Jadual 12 menunjukkan ladang-ladang kelapa di Hilir Perak yang turut mengusahakan tanaman koko (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1963).

Jadual 12. Ladang Tanaman Koko pada 1963

<b>Nama Ladang</b>
Kuala Bernam Estate
Bagan Datoh Estate
Melintang Estate
Bhenheim Estate
Perak River Estate
Bagan Pasir Estate
Kuala Perak Estate
Coconut Smallholding

Sumber: Annual Report "Pertanian", Jabatan Pertanian Negeri Perak, 1963

Selain syarikat peladang kelapa, tanaman koko turut diusahakan oleh golongan pekebun kecil di Hilir Perak yang juga menggunakan kaedah yang sama seperti syarikat peladang iaitu menanam pokok-pokok koko di celah-celahan pokok-pokok kelapa (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 1970). Pada tahun 1970, harga '*cured beans*' iaitu biji-biji koko yang telah dikeringkan dan diawet berharga \$2,688.00 bagi per ton pada asalnya telah turun sedikit pada harga \$1,948.00 (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 1970). Walaupun harga pasaran turun naik, namun hasil komoditi koko masih mendatangkan keuntungan kepada syarikat-syarikat peladang dan juga para pekebun kecil di Hilir Perak. Selain hasil komoditi tanaman koko dari daerah Hilir Perak menyumbang kepada pembangunan ekonomi komersial di Hilir Perak, tanaman koko dari daerah ini turut menjadi pengeluar penting yang membekalkan biji-biji koko kepada Pusat Pertanian Persekutuan di Serdang (Jabatan Pertanian Negeri Perak 1961). Perkara ini menunjukkan bahawa hasil komoditi koko dari Hilir Perak adalah berkualiti tinggi sehingga menjadi rujukan Jabatan Pertanian.

Berdasarkan perbincangan di atas, maka dapat dilihat bahawa dalam era pasca-kemerdekaan, tanaman komersial koko tidak hanya diusahakan secara khusus oleh syarikat peladang koko, akan tetapi tanaman koko ini turut diusahakan secara komersial oleh syarikat peladang kelapa dan juga golongan pekebun kecil. Perkara ini menunjukkan perkembangan yang dinamik dari aspek pihak-pihak yang mahu mengusahakan sektor tanaman koko ini. Perkara ini sekaligus turut menunjukkan peningkatan keterlibatan masyarakat tempatan dalam transisi perubahan ekonomi sara diri kepada ekonomi komersial di Hilir Perak. Justeru, pertanian koko terus menjadi tanaman komersial yang

penting pada era pasca-kemerdekaan yang telah memberi sumbangan dalam perkembangan ekonomi dan sosial di daerah Hilir Perak.

## KESIMPULAN

Penulisan ini telah membincangkan pembangunan dan perkembangan sektor pertanian komersial di Hilir Perak iaitu tanaman getah, kelapa, kelapa sawit dan koko antara tahun 1900 sehingga 1973. Perbincangan ini telah menunjukkan sektor pertanian komersial di Hilir Perak merupakan sektor ekonomi yang penting di Perak dan telah menunjukkan perkembangan dalam infrastruktur seperti jalan raya, kemudahan komunikasi dan teknologi dalam pertanian. Hilir Perak boleh dilihat sebagai pusat kegiatan pertanian disebabkan banyak tanah yang telah dibangunkan telah digunakan untuk kegunaan sektor tanaman komersial seperti getah, kelapa sawit, tebu dan koko. Di bawah pentadbiran British, sektor pertanian yang bersifat komersial telah berkembang dengan rancak. Perkara ini bertepatan dengan matlamat British yang mempunyai hasrat dan matlamat untuk mengaut keuntungan sehingga ke tahap maksima. Maka atas sebab itulah sektor ekonomi pertanian berkembang dengan pesat semasa era British di Tanah Melayu.

Transisi ekonomi sara diri kepada ekonomi komersial bergerak dengan perlahan apabila penglibatan masyarakat tempatan dalam sektor ekonomi komersial adalah sangat rendah pada ketika itu. Sektor ini lebih didominasi oleh pemodal dari Eropah dan China. Masyarakat tempatan khususnya orang Melayu kurang diberikan peluang untuk terlibat dalam sektor ekonomi komersial dalam skala yang besar ekoran pengenalan enakmen tanah British yang mengkhususkan orang Melayu untuk mengusahakan tanaman padi. Hal ini telah menyebabkan masyarakat tempatan terutamanya kawasan luar bandar kurang berpeluang untuk terlibat dalam kegiatan ekonomi secara komersial seperti tanaman getah, kelapa, kelapa sawit dan koko.

British telah melaksanakan beberapa dasar pertanian dan juga pembangunan infrastruktur seperti jalan raya dan penambahbaikan sistem pengairan yang dapat merencanakan lagi pengeluaran hasil tanaman komersial seperti getah, kelapa, kelapa sawit dan koko dalam kuantiti yang besar dan kualiti yang terbaik. British turut menyediakan pegawai pertanian untuk mengawal kualiti tanaman komersial agar dapat memenuhi kriteria yang digariskan oleh pasaran dunia. Dasar-dasar pertanian British walaupun kurang membantu masyarakat tempatan untuk terlibat secara aktif dalam pertanian komersial, namun masih tetap meyumbang kepada perkembangan pertanian dan pembandaran Hilir Perak melalui usaha syarikat-syarikat perladangan dari Eropah dan juga China. Sehubungan itu, menjelang tahun 1949, tanah seluas 3,364,460 hektar telah digunakan untuk penanaman getah, manakala tanah seluas 499,610 hektar untuk tanaman kelapa; dan tanah seluas 126,753 hektar digunakan untuk tanaman kelapa sawit.

Pada era pasca-kemerdekaan, urusan pentadbiran yang melibatkan hal ehwal pertanian ini diambil alih oleh Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri Perak. Dalam era ini telah berlaku transisi ekonomi sara diri kepada ekonomi komersial yang lebih dinamik dan progresif dalam kalangan masyarakat tempatan berbanding zaman British. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak kerajaan tempatan telah melaksanakan dasar yang menggalakkan masyarakat tempatan khususnya para pekebun kecil untuk terlibat dalam sektor ekonomi secara komersial. Kerajaan tempatan juga turut memperkasa institusi di bawah Jabatan Pertanian seperti FAMA, LPP dan RISDA dalam membantu masyarakat tempatan yang terlibat dalam sektor ekonomi komersial. Sehubungan itu, menjelang tahun 1958 iaitu pada permulaan era pasca-kemerdekaan, penggunaan tanah untuk kegiatan pertanian komersial di Tanah Melayu terus menunjukkan angka peningkatan. Berdasarkan rekod survei yang dilakukan oleh Jabatan Pertanian, tanah seluas 3,755,000 hektar telah digunakan untuk kegiatan penanaman getah bagi seluruh Tanah Melayu; penanaman kelapa pula adalah seluas 519,000 hektar; dan penanaman kelapa sawit seluas 121,000 hektar (Department of Agriculture 1957-1963).

Sektor pertanian komersial di Hilir Perak pada era pasca-kemerdekaan telah menunjukkan perkembangan yang dinamik berbanding era British. Hilir Perak masih menjadi sebagai pusat pertanian komersial terutama dalam tanaman getah, kelapa sawit, kelapa dan koko. Penglibatan

golongan pekebun kecil secara aktif dalam sektor pertanian komersil dalam era pasca-kemerdekaan membuktikan bahawa kerajaan tempatan tidak hanya memfokuskan kepada keuntungan daripada pertanian komersial semata-mata, sebaliknya turut membantu masyarakat tempatan meningkatkan taraf hidup. Peranan dan sumbangan golongan pekebun kecil kegiatan ekonomi komersial di Hilir Perak telah membantu merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi komersial. Perkara ini juga menunjukkan masyarakat tempatan semakin sedar akan manfaat yang diperoleh dengan mengusahakan tanaman secara komersial.

Ringkasnya, penulisan ini mendapati bahawa dalam dua era pemerintahan yang berbeza iaitu era British dan era pasca-kemerdekaan, telah berlakunya perkembangan pertanian komersial yang baik di Hilir Perak. British telah memperkenalkan ekonomi komersial di Hilir Perak dan membantu perkembangan dan pembangunan awal sektor ini. Manakala Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri Perak dalam era pasca-kemerdekaan telah memajukan lagi pembangunan pertanian komersial dengan meningkatkan taraf kehidupan masyarakat tempatan. Maka adalah jelas bahawa kedua-dua era telah menunjukkan perkembangan pertanian komersial yang baik serta membantu meningkatkan pambandan di Hilir Perak.

## RUJUKAN

- Afifuddin Omar. 1990. *Perhubungan dan Penyertaan Rakyat dalam Program dan Projek Pertanian Kedah*. Kedah: Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah KEDA, Kedah Regional Development Authority (KEDAH).
- A. Rahman Tang Abdullah. 2018. Transisi Ekonomi dalam Masyarakat Melayu: Ekonomi Wang Era Permulaan Kapitalisme di Tanah Melayu. *Jurnal Kinabalu*: 97-125.
- Amarjit Kaur. 1995. The Origin of Cocoa Cultivation in Malaya. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*: 57-80.
- Azrai Abdullah. et al. 2012. The Transformation of Perak's Political and Economic Structure in the British Colonial Period in Malaya (1874-1957). *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*: 63-72.
- Bird, I.L. 1953. *The Golden Chersonese, Travel in Malaya 1879*. Singapore: Oxford University Press.
- Department of Agriculture Federation of Malaya. 1947-1949. *Malayan Agriculture Statistics*.
- Department of Agriculture. 1957-1963. *A Survey of Agriculture in Malaysia*.
- Drabble, J.H. 1967. The Plantation Rubber Industry in Malaya Up to 1922. *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*: 52-77.
- Drabble, J.H. 1973. *Rubber in Malaya: 1876-1922*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Federated Malay States. 1892. *Perak Annual Report*.
- Federated Malay States. 1909. *Department of Agriculture: Report of the Director of Agriculture*.
- Federated Malay States. 1920. *Perak Administration Report*.
- Federated Malay States. 1939. *Perak Annual Report Social and Economic Progress*.
- Federated Malay States. 1947. *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak*.
- Federated Malay States. 1948. *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak*.
- Federal Secretariat. 1948a. *Agriculture Department Annual Report*.
- Federal Secretariat. 1948b. *Federation of Malaya Annual Report*.
- Federal Secretariat. 1951. *Federation of Malaya Annual Report*.
- Federal Secretariat. 1953-1954. *Copra, Coconut Oil & Coconut Statistics*.
- Federal Secretariat. 1957a. *Annual Report of the Department of Agriculture*.
- Federal Secretariat. 1957b. *Federation of Malaya Annual Report*.
- Federation of Malaya. 1957. *Annual Report of the Department of Agriculture*.
- Gullick, J.M. 1989. *Malay Society in the Late Nineteenth Century*. Singapore: Oxford University Press.
- Gullick, J.M. 1992. *Rulers and Residents: Influence and Power in the Malay States 1870-1920*. Singapore: Oxford University Press.
- [https://en.wikipedia.org/wiki/Hilir\\_Perak\\_District#History](https://en.wikipedia.org/wiki/Hilir_Perak_District#History). Diakses pada 6 Disember 2023.
- Jabatan Pertanian Malaysia. 1950. *The Malayan Agricultural Journal XXXI* 4.
- Jabatan Pertanian Malaysia. 1957. *Annual Report of the Department Agriculture*.
- Jabatan Pertanian Malaysia. 1964. *Annual Report of the Division of Agriculture Malaya*.
- Jabatan Pertanian Malaysia. 1970. *The Present Land use of Perak September*.

- Jabatan Pertanian Negeri Perak. 1958-1965. *Trans Perak River Irrigation on Areas Perak Agricultural*.
- Jabatan Pertanian Negeri Perak. 1961. *Annual Report*.
- Jabatan Pertanian Negeri Perak. 1963. *Annual Report "Pertanian"*.
- Jabatan Pertanian Negeri Perak. 1965. *Annual Report*.
- Jabatan Pertanian Negeri Perak. 1966. *Mesbuarat Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri Perak*.
- Jabatan Pertanian Negeri Perak. 1969a. *Laporan Suku Tabun yang Keempat Oktober-Disember*.
- Jabatan Pertanian Negeri Perak. 1969b. *Penyata Tabunan*.
- Jabatan Pertanian Negeri Perak. 1970a. *Berita Pertanian Bil. 29*.
- Jabatan Pertanian Negeri Perak. 1970b. *Laporan Tabunan*.
- Jackson, J.C. 1968. *Planters and Spectacular, Chinese and European Agriculture Enterprise in Malaya 1786-1921*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Joseph, K.T. 2008. Agriculture History of Peninsular Malaysia: Contribution from Indonesia. *Journal of Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society*: 7-18.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. 'Portal Rasmi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)'. <https://www.risda.gov.my/my/312-e-perkhidmatan>. Diakses pada 12 November 2021.
- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. 'Jabatan Pertanian'. <http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/507>. Diakses pada 25 November 2021.
- Kementerian Pertanian Malaysia. 1956. *Report of the Coconut Marketing Survey (Sabak Bernam and Lower Perak Districts)*.
- Kementerian Pertanian Malaysia. 1964. *Implementation of Coconut Rehabilitation Replanting Scheme- (a) Two New Projects on East Coast and Lower Perak (b) Conformation of Pilot Project at Minyak Beku*.
- Kementerian Pertanian Malaysia. 1966. *West Malaysia Oil Palm, Coconut and Tea Statistics*.
- Kementerian Pertanian Malaysia. 1968. *Preliminary Report on the Survey of Coconut Small- Holdings in West Malaysia*.
- Khairi Ariffin. et al. 2019a. Perladangan Komersial di Daerah Hilir Perak pada Era Kolonial British 1900-1957. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 58-78.
- Khairi Ariffin et al. 2019b. The Paddy Cultivation in District of Lower Perak: Traditional Heritage until 1957. *Opcion, Ano.* 817- 831.
- Khoo Kay Kim. 1995. Teluk Anson: 1882-1941: Port, Agriculture and Erosion. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 33-52.
- Khoo Kay Kim. 1982. *Teluk Anson (Teluk Intan) 100 Tabun*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Khoo Kay Kim. 1999. Development Relevant to Malayan Agriculture in the Post-Rubber Crisis Era. *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 17-47.
- Lim Teck Ghee. 1976. *Origin of a Colonial Economy, Land and Agriculture in Perak 1874- 1897*. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Lim Teck Ghee. 1977. *Peasant and their Agriculture Economy*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohd Kasturi Nor. 2011. Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 45-66.
- Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin. 2016. Pembangunan Perdagangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu: Kajian Terhadap Rejim Neomerkantilisme, 1919-1923. *e-Bangi* 64-82.
- Muhammad Yuzie Sharfizam Abu Bakar & Mohd Firdaus Abdullah. 2023. Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929: Kesan Terhadap Sektor Pertanian di Seberang Perai, Pulau Pinang, 1929-1936. *SARJANA* 1-22.
- Nik Haslina Nik Hussain. 2011. *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan, 1881-1941*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Norasibah Abdul Jalil. et al. 2014. Status Ekonomi Pekebun Kecil Kelapa di Hilir Perak dan Perak Tengah. *Management Research Journal* 107-119.
- North, D.C. 2005. *Understanding the Process of Economic Change*. Princeton: Princeton University Press.
- Nurlisa Sarah Mohammad Azmi. 2019. Peranan British dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Jajahan Dinding, 1874-1942. *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya* 1-20.
- Nurul 'Aisyah Azaman Haris & Norasmahani Hussain. 2023. Peranan British dalam menangani Penyakit Tropika di Perak: Penumpuan terhadap Penyakit Malaria, Tuberkulosis dan Beri-Beri, 1915-1939. *Malaysia and International History Review* 23-47.

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. 1969. *Laporan Pertanian*.  
 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. 1970. *Laporan Pertanian*.  
 Perak Pioneer. 1911. *14 Januari, 1911, Consols of the East*.  
 Perak Secretariat. 637/1948. 1947. *Annual Report for District and Land Office*.  
 Perak Secretariat. 1590/1948. 1948. *Coconut Estate in Perak*.  
 Perak Secretariat. 1948a. *Messrs Strait Plantation LTD for About 1000 Acre of Land in Mukim Hutan Melintang for Purpose of Planting Oil Palm*.  
 Perak Secretariat. 1948b. *Cocoa Cultivation in Malaya- Introduction of i- Visit of Professor Cheeseman to Study Prospect for Cocoa in Malaya, ii- Visit of Sir RCH Wilsbaw Research Offer*.  
 Perak Secretariat. 3277/1948. 1948. *Name of Town and Village in Perak*.  
 Royal Botanic Gardens. 1891. Planting in Perak. *Bulletin of Miscellaneous* 220.  
 Selangor Secretariat. 875/20. 1948. *Areas to be Set Aside for Cultivation of the African Oil Palm*.  
 Sel. Sect. 2026/1914. 1914. *Annual Report 1913*. Trade & Customs.  
 Silcock, T.H. 1959. *The Commonwealth Economy in Southeast Asia*. Durham: Duke University Press.  
 Sivachandralingam Sundara Raja. 1997. *Perdagangan dan Pelabuhan Bebas Sejarah dan Perkembangannya*. Shah Alam: Fajar Bakti.  
 State Agriculture Officer Perak. 1905. *Degong Agriculture Station. i- Establishment of Covoia, ii- Experiment at Supplement to Perak Government Gazette*.  
 Swettenham, F.A. 1893. *About Perak*. Singapore: The Straits Times Press.  
 Zalikha Bahari. 2016. Reaksi dan Kesan terhadap Perkembangan Industri Kelapa di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) 1902-1941. *Journal of Human Development and Communication* 141-162.  
 Zulkarnain Abdul Rahman. 2008. Pemodal British dan Kelapa Sebagai Tanaman Dagang di Klang, 1900-1930-an. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia* 27.

Nurul Asyikin Dzulkifli  
 Bahagian Sejarah,  
 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
 Universiti Sains Malaysia,  
 Emel: nurulasyikindzulkifli3198@gmail.com

Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli, (Ph.D)  
 Bahagian Sejarah,  
 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
 Universiti Sains Malaysia,  
 Emel: khairulanuarrosli@usm.my

Norasmahani Hussain, (Ph.D)  
 Bahagian Sejarah,  
 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
 Universiti Sains Malaysia,  
 Emel: norasmahani@usm.my

Received: 13<sup>th</sup> November 2023  
 Accepted: 16<sup>th</sup> December 2023  
 Published: 31<sup>st</sup> December 2023